

28/09/1998

Tunjuk perasaan cara negatif

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan mengadakan tunjuk perasaan di jalan raya untuk menyelesaikan masalah sudah tidak sesuai di negara ini, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus.

Menurutnya, zaman sebegitu sudah berlalu dan tidak sesuai dengan keadaan sekarang kerana tahap pemikiran rakyat berubah.

"Suasana yang ada di Malaysia dengan Indonesia tidak sama.

"Dulu, mungkin boleh... sekarang jika genggam penumbuk tak akan dapat menyelesaikan masalah," katanya selepas merasmikan Pertandingan Wajadiri Silat Cekak Hanafi Peringkat Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, hari ini.

Mengulas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya membenarkan mahkamah membuat pengadilkan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu dalam keadaan tenteram tanpa sebarang tekanan, Khalid berkata, orang ramai yang masih percaya kepada sistem perundangan negara sepatutnya membiarkan proses undang-undang sedia ada berjalan.

"Kalau ada bukti menyatakan undang-undang itu tidak betul, boleh protes tetapi bukan melalui bantahan di jalan raya.

"Jika pergi ke jalan raya, kita melanggar undang-undang. Kita kata kita percaya undang-undang tapi kita sendiri langgar," katanya.

Beliau berkata, jika orang ramai benar-benar ingin menolong Anwar, mereka tidak seharusnya mengadakan perhimpunan haram dan tunjuk perasaan di jalan raya.

"Mereka perlu ingat, datang ke jalan raya dan mengadakan tunjuk perasaan tidak akan membantu Anwar.

"Kita inginkan keadilan, betul ... tapi biarlah proses keadilan itu diurus mengikut salurannya.

"Kalau ada dakwaan yang menyatakan tak betul, boleh bangkit dan buktikan, tidak ada masalah. Malaysia adalah negara bebas," katanya.

(END)